

# Antara USBO, USNO dan UMNO

Oleh JAMDI NASIR  
(WARTAWAN UTUSAN)

APABILA Pertubuhan Sabah Bajau Bersatu (USBO) diumumkan pada pertengahan Ogos lalu selepas menukar nama menggantikan Persatuan Seni Budaya Bajau (PSBB), ia mula menimbulkan polemik di kalangan orang ramai.

Beberapa persoalan dibangkitkan, daripada nama pertubuhan itu, barisan kepemimpinannya sehingga prinsip perjuangan yang ingin ditegakkan.

Jika PSBB sebelum ini dilihat agak terpinggir daripada liputan media, namun kehadiran USBO adalah sebaliknya apabila begitu menonjol seolah-olah dirancang dengan begitu rapi dan tersusun.

Malah liputan terhadap USBO hampir menenggelamkan isu Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang mula memalu gendang perangnya di Sabah dengan kemasukan bekas Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Datuk Dr. Jeffrey Kitingan sebagai Timbalan Pengerusi parti pembangkang itu di negeri ini.

Oleh kerana liputan meluas diberikan, USBO menjadi popular dan diperkatakan dari pejabat kerajaan sehingga ke kedai-kedai kopi.

Nama USBO dilihat agak hampir kepada Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang dibubarkan pada tahun 1991 untuk memberi laluan kepada UMNO bertapak di Sabah.

Begitu juga nama USBO menjadi gu-

rauan apabila agak hampir dengan UMNO yang kini semakin teguh berakar umbi di negeri di bawah bayu ini.

Perbezaan huruf 'B' pada USBO dan 'N' pada USNO secara tidak langsung menyebabkan pertubuhan itu dikaitkan dengan usaha mewujudkan semula roh parti USNO.

Ia dirancakkan dengan usaha Presiden-nya, Datuk Seri Salleh Said Keruak yang dilihat cuba mengumpulkan seramai mungkin pemimpin UMNO di negeri ini untuk menyertai pertubuhan itu.

Antara yang kini disahkan ialah Ketua UMNO Bahagian Marudu, Tan Sri Pandikar Amin Mulia sebagai Setiausaha Agung USBO yang baru.

Pandikar Amin adalah bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tempasuk.

Turut serta ialah anak bapa kemerdekaan Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun iaitu Datuk Amir Kahar yang juga ADUN Banggi sebagai Bendahari Agung USBO.

Malah nama bekas Ketua Menteri, Tun Sakaran Dandai turut diuar-uarkan akan turut menyertai pertubuhan itu selain sasaran untuk menubuhkan lebih 60 cawangan di seluruh Sabah.

Tentu sekali apabila seorang demi seorang bekas pemimpin USNO mula menyertai USBO, kesan yang besar ialah ramai melihatnya dari sudut negatif iaitu usaha mengumpulkan satu kumpulan atau entiti pergerakan baru di Sabah.

Suku kaum Bajau yang mempunyai 12

UM-24/11/2006.  
kumpulan etnik kecil itu dilihat mempunyai kekuatan tersendiri kerana suku kaum itu yang majoritinya tinggal di kawasan sepanjang pantai dari Pantai Barat ke Pantai Timur dikatakan merupakan etnik kedua terbesar di Sabah selepas Kadazan-dusun.

Rumpun etnik Bajau merangkumi Sama, Irranun, Suluk, Binadan atau Bannaran, Ubian, Sama Delaut, Sikubung, Simanul, Samal, Yakan dan Jama Mapun.

Presiden USBO, Datuk Seri Salleh Said Keruak yang juga Ahli Parlimen Kota Belud bagaimanapun berkali-kali menjelaskan bahawa USBO cuma bersifat penjenamaan semula kepada PSBB.

Menurut beliau, tujuannya kembali mengambil alih tampuk kepimpinan USBO selepas meletak jawatan Oktober tahun lalu adalah selepas pertubuhan itu bersetuju meluaskan skop perjuangan yang sebelum ini berasaskan kepada kesenian dan kebudayaan.

"Skopnya kini diperluaskan sedikit merangkumi banyak bidang terutama ekonomi dan pendidikan dan umum mengetahui majoriti masyarakat Bajau adalah nelayan dan petani," katanya.

Beliau turut menolak sekeras-kerasnya bahawa USBO bakal muncul sebagai kumpulan pendesak kepada UMNO dan pimpinan kerajaan negeri hari ini.

"Pendirian kita adalah menyokong dan mengukuhkan kedudukan UMNO sebagai tulang belakang kerajaan. USBO berdiri bersandar pada tiang UMNO," katanya.

Walau apa pun yang diperkatakan oleh

Salleh, kehadiran USBO yang 'agak luar biasa' berbanding pertubuhan suku kaum lain itu tidak mampu menghapuskan cakap-cakap bahawa wujud persaingan baru kepada UMNO di Sabah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman yang sebelum ini mengambil sikap berdiam diri akhirnya bersuara bagi meredakan keadaan.

Musa dengan tegas mengingatkan supaya persatuan atau pertubuhan suku kaum tidak disalahgunakan bagi kepentingan diri.

Menurut beliau, adalah memadaai UMNO sebagai sebuah parti menaungi perjuangan membela nasib rakyat yang terdiri daripada pelbagai suku kaum sama ada dalam aspek pendidikan, sosial dan ekonomi.

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Yahya Hussin berkata, isu USBO perlu ditangani secepat mungkin bagi mengelakkan sebarang perpecahan kepada UMNO.

"Kita tidak mahu ada unsur persaingan kepada UMNO," katanya.

Yahya yang juga Ketua UMNO Bahagian Putatan turut menyifatkan langkah menuhkan USBO sebagai tindakan berundur dalam keadaan UMNO diterima baik dan menjadi contoh kepada lain-lain parti.

Ketua UMNO Bahagian Ranau, Datuk Masidi Manjun turut menegaskan bahawa penubuhan USBO boleh mengelirukan rakyat serta ahli UMNO sendiri.

Malah katanya, jika perjuangan UMNO telah merangkumi semua suku kaum bumiputera di Sabah mengapa perlu ada pergerakan lain berjuang atas dasar yang sama.